

PEMAHAMAN DAN PENGHAYATAN RUKUN NEGARA DALAM KALANGAN BELIA BANDAR DI SEMENANJUNG MALAYSIA

ROHAIZAHTULAMNI RADZLAN, SARJIT S. GILL
& AHMAD TARMIZI TALIB

ABSTRAK

Perpaduan merupakan asas kemajuan dan pembangunan sesebuah negara. Ia menjadi pengikat terpenting dalam mencapai sesuatu kejayaan. Kerajaan memperkenalkan Rukun Negara bagi mewujudkan kesefahaman dan perpaduan antara kaum untuk membina sebuah negara yang aman dan maju. Pemahaman dan penghayatan terhadap Rukun Negara perlu diukur dalam kehidupan belia untuk memperkukuhkan perpaduan nasional. Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap pemahaman dan penghayatan belia pelbagai kaum terhadap ideologi nasional, yakni Rukun Negara. Reka bentuk penyelidikan adalah deskriptif yang menggunakan kaedah tinjauan dengan mengedarkan borang soal selidik secara persampelan mudah di empat zon utama. Seramai 598 orang terlibat dalam kajian ini bagi mewakili empat zon utama, iaitu zon utara (Pulau Pinang dan Perak), zon tengah (Selangor), zon selatan (Johor) dan zon timur (Pahang) dengan memberi fokus kepada golongan belia di kawasan bandar. Dapatan kajian menunjukkan belia Melayu lebih memahami serta menghayati Rukun Negara berbanding kaum lain dan secara umumnya menunjukkan bahawa tahap pemahaman belia adalah tinggi. Walau bagaimanapun, tahap penghayatan terhadap Rukun Negara dalam kalangan belia masih berada pada tahap sederhana. Generasi muda kini seharusnya lebih prihatin serta menghayati falsafah dan kelima-lima Rukun Negara untuk memastikan bangsa Malaysia lebih bersatu padu untuk membentuk jati diri nasional dan tamadun Malaysia.

Kata Kunci: Rukun Negara, Belia, Perpaduan, Jati Diri Nasional, Tamadun Malaysia

ABSTRACT

Unity is the foundation for the progress and development of a nation. It is the cornerstone in the achievement of any form of success. The government has introduced the Rukun Negara to create understanding and unity among races in order to build a peaceful and progressive nation. The understanding and appreciation of the Rukun Negara among youths needs to be assessed for the purpose of strengthening national unity. This study is aimed at identifying the the level of understanding and appreciation of the various races towards the national idealogy, namely the Rukun Negara. Descriptive research design, using survey method, was employed by means of distribution of questionnaires through simple sampling in four main zones. A total of 598 repondents, representing the four main zones, namely northern zone (Pulau Pinang and Perak), central zone (Selangor), southern zone (Johor) and eastern zone (Pahang), were involved in this survey, with emphasis being given to youths in urban

areas. Research findings show that Malay youths understand and appreciate the Rukun Negara better, compared to the other races; generally it was also found that the level of understanding among youths was at a high level. However, the level of appreciation towards the Rukun Negara among youths generally still remains at a moderate a level. The youth generation of today ought to show greater concern and be more appreciative of the philosophy of the five Rukun Negara principles as to ensure that Malaysians are more united and thus able to forge a national identity and a Malaysian civilization.

Keywords: *Rukun Negara, Youth, Unity, National Identity, Malaysian Civilization*

PENGENALAN

Berakhirnya peristiwa 13 Mei 1969 menandakan tamatnya satu peristiwa hitam dalam sejarah tanah air kita. Walaupun ketika itu kemerdekaan sudah dicapai namun negara masih belum aman dan sejahtera kerana tiada pegangan ataupun ideologi yang dapat menyatukan rakyat. Pada 31 Ogos 1969, Rukun Negara telah diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong Keempat, Al-Marhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibnu Al-Marhum Sultan Zainal Abidin sempena ulang tahun kemerdekaan Malaysia yang ke-13. Justeru itu, menurut Yahaya (1978), Rukun Negara adalah panduan dan pegangan negara yang akan menyatupadukan rakyat dengan menyuarakan tanggapan, kepercayaan dan keazaman rakyat mengenai bangsa Malaysia. Oleh demikian, Rukun Negara yang diperkenalkan selepas peristiwa 13 Mei 1969 (Ahmad Zaharuddin Sani, 2009) yang berpunca daripada sikap prasangka dan diskriminasi kaum (Zainal Abidin, 2009) menunjukkan komposisi Tanah Melayu ketika itu mempunyai pelbagai kaum dan budaya namun tiada pengikat ataupun panduan.

Pembentukan Rukun Negara haruslah dijadikan pegangan bagi mengekalkan satu negara dan bangsa Malaysia yang beridentiti dan bersatu padu. Namun, dekad ini pelbagai masalah sosial dan perpaduan dalam kalangan golongan belia sering dibincangkan. Justeru, berdasarkan daripada kajian Keruntuhan Akhlak dan Gejala sosial dalam keluarga: Isu dan Cabaran oleh Hashim, Khairulhelmi, Mohd Fahmi & Syed Mohamed (2008) menyatakan keruntuhan akhlak dalam kalangan rakyat Malaysia boleh merencatkan kecemerlangan negara serta elemen-elemen keruntuhan akhlak juga boleh mengancam keselamatan negara sekiranya tidak dikawal. Oleh demikian, ancaman terhadap keharmonian negara dan keutuhan bangsa kebanyakannya berhubung kait dengan kegiatan salah laku golongan muda (Ku Hasnita & Mohd Haizam, 2011). Malah, isu mengenai insiden memijak gambar pemimpin dan bendera ketika menjelang sambutan kemerdekaan ke-55 negara menunjukkan bahawa kekuatan dan semangat patriotik semakin luntur (Bernama, 2012). Oleh itu, membina negara dan membangunkan golongan muda ke arah berciri maju, progresif serta mengamalkan lima prinsip Rukun Negara adalah penting bagi

meningkatkan kesedaran sivik agar generasi muda terutamanya golongan belia berasa bertanggungjawab terhadap tuntutan negara dan masyarakat.

Bagi memperkukuhkan perpaduan nasional, kajian mengenai pemahaman dan penghayatan terhadap Rukun Negara dilakukan untuk mengetahui sejauh mana keberkesanan Rukun Negara dapat diterapkan dalam kalangan belia. Oleh itu, makalah ini turut menerangkan dua objektif kajian iaitu yang pertama mengenal pasti tahap pemahaman belia terhadap Rukun Negara. Manakala objektif yang kedua iaitu mengenal pasti tahap penghayatan belia terhadap Rukun Negara. Kedua-dua objektif tersebut dilihat daripada aspek pandangan belia pelbagai kaum dengan melalui reka bentuk penyelidikan deskriptif.

Reka bentuk penyelidikan deskriptif dalam kajian ini menggunakan kaedah tinjauan (survei). Borang soal selidik diedarkan di sekitar semenanjung Malaysia. Terdapat empat zon utama dipilih bagi mewakili semenanjung Malaysia iaitu zon utara (Pulau Pinang dan Perak), zon tengah (Selangor), zon selatan (Johor) dan zon timur (Pahang) dengan memberi fokus kepada golongan belia di kawasan bandar. Pensampelan mudah (convenience sampling) digunakan dalam menentukan sampel kajian. Seramai 598 orang belia terlibat dalam kajian ini yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun. Instrumen kajian dibentuk berdasarkan pendekatan kuantitatif dan analisis pengumpulan data menggunakan kaedah statistik deskriptif melalui perisian Statistical Package for the Social Science (IBM SPSS v.19).

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Demografi Responden

Jadual 1 : Demografi Responden

Angkubah	Bilangan (n=598)	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	259	43.3
Perempuan	339	56.7
Etnik		
Melayu	363	60.7
Cina	165	27.6
India	61	10.2
Lain-lain	9	1.5
Umur		
18-20 tahun	200	33.4
21-25 tahun	224	37.5
26-30 tahun	99	16.6
31-35 tahun	45	7.5
36-40 tahun	30	5.0

Angkubah	Bilangan (n=598)	Peratusan (%)
Tahap Pendidikan		
UPSR	2	0.3
PMR	17	2.8
SPM	272	45.5
STPM	53	8.9
Diploma	93	15.6
Ijazah	129	21.6
Master	13	2.2
Lain-lain	19	3.2

Jadual 1 menunjukkan data demografi responden terhadap Rukun Negara berdasarkan lima buah negeri yang mewakili empat zon utama di Semenanjung Malaysia.

Hasil kajian berdasarkan Jadual 1 menunjukkan jumlah responden adalah seramai 339 orang di mana (56.7%) responden adalah perempuan dan seramai 259 orang atau (43.3%) adalah responden lelaki. Peratus tertinggi bagi kumpulan etnik responden adalah etnik Melayu (60.7%) iaitu seramai 363 orang, diikuti dengan etnik Cina seramai 165 orang atau (27.6%) responden, etnik India pula seramai 61 orang atau (10.2%) responden dan selebihnya adalah daripada etnik minoriti iaitu seramai 9 orang atau sebanyak (1.5%) responden. Julat umur dalam kalangan responden adalah di antara 18 hingga 40 tahun dengan purata umur 24 tahun. Peratus tertinggi umur responden berada dalam kategori umur 21 hingga 25 tahun (37.5%) atau seramai 224 orang. Manakala daripada segi tahap pendidikan, peratus tertinggi adalah pada peringkat SPM (45.5%), diikuti peringkat ijazah (21.6%) dan peratus paling rendah adalah pada peringkat UPSR (0.3%).

Tahap Pemahaman

Jadual 2 : Tahap Pemahaman

Latar Belakang	Tahap Pemahaman (%)			Jumlah
	Rendah	Sederhana	Tinggi	
Kaum				
Melayu	6 (54.5%)	33 (45.8%)	324 (62.9%)	363 (60.7%)
Cina	3 (27.3%)	28 (38.9%)	134 (26.0%)	165 (27.6%)
India	2 (18.2%)	10 (13.9%)	49 (9.5%)	61 (10.2%)
Lain-lain	-	1 (1.4%)	8 (1.6%)	9 (1.5%)
Jumlah	11 (100%)	72 (100%)	515 (100%)	598 (100%)

Berdasarkan Jadual 2, tahap pemahaman responden terhadap Rukun Negara mengikut kumpulan etnik, iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai tahap pemahaman mengenai Rukun Negara yang tinggi iaitu seramai 515 orang. Walau bagaimana pun, masih terdapat 72 orang yang berada pada tahap sederhana dan hanya 11 orang sahaja mempunyai tahap yang rendah dalam pemahaman terhadap Rukun Negara. Manakala mengikut kumpulan etnik, belia Melayu mempunyai tahap pemahaman yang lebih tinggi dengan 62.9%. Diikuti belia daripada belia Cina dengan 26.0%, belia India dengan 9.5% dan .

Daripada dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pemahaman terhadap Rukun Negara belia Melayu adalah lebih tinggi berbanding daripada kumpulan etnik lain. Ini adalah kerana pemahaman terhadap Rukun Negara berkait dengan semangat patriotisme. Patriotisme bermaksud semangat cintakan negara (Ahmad Shah, Sulhairil Hafiz, Muhammad Fuad, Mohd Ashraf, Hudrus, 2011). Oleh itu, berdasarkan daripada kajian Ku Hasnita & Mohd Haizam (2009) mendapati bahawa semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda bukan Melayu yang terlibat adalah sederhana. Lantaran itu, keinginan untuk mengetahui dan memahami mengenai Rukun Negara dalam kalangan belia turut memberikan kesan.

Selain itu, pengetahuan terhadap sejarah negara juga memainkan peranan yang penting dalam pemahaman terhadap Rukun Negara. Ini kerana pengetahuan terhadap sejarah negara merupakan elemen penting sebagai pengajaran, pedoman atau asas perencanaan (Mohamad Rodzi, 2009). Selain itu, daripada kajian Pembentukan Jati Diri Kanak-Kanak Melalui Bahan Bacaan Bahasa Malaysia oleh Maisarah & Latifah (2012) ada menyatakan bahawa pendedahan bahan bacaan dan kepentingan bacaan pada peringkat kanak-kanak adalah penting sebagai wahana pembentukan personaliti, psikologi dan kerohanian serta pengisian minda. Justeru, pendidikan sejarah pada peringkat awal adalah penting bagi membentuk personaliti masyarakat Malaysia terutama golongan belia berada pada kelas pertama. Oleh itu, belia bukan Melayu perlu meningkatkan lagi tahap pengetahuannya terhadap sejarah negara. Sehubungan itu, keprihatinan terhadap sejarah secara tidak langsung membolehkan seseorang itu menunaikan tanggungjawabnya sebagai seorang warganegara (Mohamad Rodzi, 2009).

Secara umumnya kajian menunjukkan belia pada masa kini semakin memahami tujuan pembentukan Rukun Negara dan kepentingannya serta membuktikan Rukun Negara bukanlah sekadar hafalan dan dilafazkan sebagai satu ikrar. Namun begitu, berdasarkan kepada kenyataan daripada Lee & Sarjit (2008), pembentukan Rukun Negara tidak begitu dihayati kerana senario kini menunjukkan bahawa pengamalan Rukun Negara banyak hanya sekadar hafalan di perhimpunan. Justeru, pendedahan dan pembelajaran merupakan aspek penting dalam mengukuhkan pemahaman belia terhadap Rukun Negara. Belia yang mempunyai kefahaman yang jelas akan mempunyai respons yang positif mengenainya (Adlina, 2009). Lantaran itu, meningkatkan lagi kefahaman dalam kalangan belia mampu memberi impak yang positif terhadap negara.

Institusi pendidikan dan media massa merupakan salah satu agen sosialisasi yang paling berpengaruh dalam meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan Rukun Negara. Sehubungan itu, pendidikan dan media massa sebagai mekanisme yang fleksibel dan mampu memberi kesan terhadap keperluan serta kepentingan semasa negara (Ku Hasnita & Mohd Haizam, 2011). Secara tidak langsung ia dapat menyemai dan memupuk semangat patriotisme dalam kalangan belia dengan pendedahan terhadap aspirasi falsafah Pendidikan Negara yang merangkumi aspek jasmani, emosi dan intelektual.

Tahap Penghayatan

Jadual 3 : Tahap Penghayatan

Latar Belakang	Tahap Penghayatan (%)		Jumlah
	Sederhana	Tinggi	
Kaum			
Melayu	190(54.8%)	173(68.9%)	363 (60.7%)
Cina	110(31.7%)	55(21.9%)	165 (27.6%)
India	42(12.1%)	19(7.6%)	61 (10.2%)
Lain-lain	5(1.4%)	4(1.6%)	9 (1.5%)
Jumlah	347 (100%)	251 (100%)	598 (100%)

Berdasarkan Jadual 3, hasil kajian bagi tahap penghayatan menunjukkan bahawa majoriti belia di Malaysia berada pada tahap sederhana dalam menghayati Rukun Negara iaitu seramai 347 orang. Manakala pada tahap tinggi pula seramai 251 orang yang menghayati Rukun Negara. Manakala mengikut kumpulan etnik pula, belia Melayu mempunyai tahap penghayatan yang lebih tinggi dengan 68.9%. Diikuti belia daripada kaum Cina dengan 21.9%, belia India dengan 7.6% .

Daripada dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penghayatan terhadap Rukun Negara belia Melayu adalah lebih tinggi daripada kumpulan etnik lain. Ini menunjukkan belia Melayu telah menerapkan nila-nilai murni Rukun Negara dalam kehidupan hariannya. Secara tidak langsung dengan adanya penghayatan terhadap Rukun Negara mampu mendidik seseorang itu lebih menghormati kaum-kaum lain. Sehubungan itu, belia Melayu lebih memahami dan menghayati terhadap informasi yang berkaitan dengan perpaduan serta nasionalisme. Lantaran itu, daripada kajian lepas, iaitu tahap implikasi keterlibatan belia Melayu lebih tinggi berbanding belia bukan Melayu terhadap kempen perpaduan (Dzulhaimi, Nobaya, Nor Azliza Wanis, Md Salleh, Jamilah, & Mariah, 2009).

Secara keseluruhannya hasil kajian menunjukkan penghayatan belia terhadap Rukun Negara berada pada tahap yang sederhana. Sehubungan itu, dapatan daripada Ayu Nor Azilah & Rohaini (2011) ada menyatakan bahawa belia masih kurang

menghayati erti sebenar falsafah Rukun Negara walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan. Sehubungan itu, meningkatkan penghayatan terhadap Rukun Negara amatlah penting bagi mempertingkatkan peneguhan jati diri nasional dalam kalangan belia dan secara tidak langsung dapat mengelakkan diri daripada terpengaruh dengan budaya barat ataupun kuasa asing.

Penjajahan minda kuasa asing seperti anasir-anasir neoimperialisme boleh menjadi ancaman dalam pembangunan dan pembentukan negara bangsa jika kurangnya pemahaman dan penghayatan terhadap Rukun Negara. Menurut Ruhanie (2005), elemen negatif yang disalurkan menerusi neoimperialisme budaya secara tidak langsung boleh mempengaruhi sikap, persepsi dan perilaku terhadap budaya barat. Oleh itu, penghayatan terhadap prinsip Rukun Negara membantu membentuk jati diri nasional yang utuh dan teguh dalam menjalani kehidupan serta memupuk semangat patriotisme. Jika elemen-elemen yang terdapat dalam Rukun Negara dapat dihayati dengan baik oleh golongan belia kini maka masalah kecelaruan identiti nasional dan salah laku seperti gejala mat rempit atau samseng jalanan, ragut, buli, ketagih rokok, dadah, pembuangan anak, pendedahan bahan-bahan lucah di web serta banyak lagi masalah sosial dapat diatasi.

RUMUSAN

Kajian ini menunjukkan tahap pemahaman dan penghayatan belia Melayu terhadap Rukun Negara adalah lebih tinggi berbanding belia kaum lain dan secara keseluruhannya hasil kajian ini jelas menunjukkan bahawa tahap pemahaman belia Malaysia adalah tinggi terhadap Rukun Negara. Ini menunjukkan belia semakin bijak dalam menyedari keadaan semasa dan sejarah pembentukan negara. Oleh itu, segala usaha daripada pelbagai pihak dalam meningkatkan tahap pemahaman masyarakat terhadap Rukun Negara melalui media massa dan media cetak telah memberikan kesan. Dengan adanya kemudahan seperti media elektronik dan media cetak mempermudah lagi masyarakat untuk menyampaikan dan menerima pelbagai maklumat. Walau bagaimanapun, tahap penghayatan terhadap Rukun Negara pula berada pada tahap yang sederhana. Justeru itu, peningkatan kesedaran terhadap kepentingan Rukun Negara secara komprehensif adalah penting bagi meningkatkan lagi tahap penghayatan terhadap Rukun Negara. Selain itu, memberikan pendedahan awal terhadap pendidikan patriotisme melalui subjek sejarah di sekolah akan melahirkan rakyat yang semakin prihatin untuk memikirkan hal ehwal negara. Melalui kajian Easton dan Hess (1962), kanak-kanak berusia tiga tahun telah didedahkan dengan pendidikan patriotisme melalui subjek politik di sekolah dan apabila kanak-kanak tersebut mencapai usia tujuh tahun tahap pengetahuannya semakin mantap serta secara tidak langsung melahirkan kesedaran patriotisme. Jelaslah bahawa, pendedahan awal kepada masyarakat amat penting bagi meningkatkan lagi tahap pemahaman dan penghayatan terhadap Rukun Negara serta secara tidak langsung akan membentuk jati diri nasional yang lebih berdaya tahan dan bersatu padu.

Kajian ini penting untuk mengkaji pemahaman dan penghayatan belia terhadap Rukun Negara bagi mengekalkan perpaduan dan membentuk integrasi nasional. Justeru, langkah yang efektif untuk memupuk kesedaran dalam kalangan belia terhadap pemahaman dan penghayatan Rukun Negara adalah melalui institusi sosial seperti pendidikan. Selain itu, meningkatkan lagi usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) terhadap kajian seperti ini bagi menambahkan bahan rujukan untuk pengkaji akan datang. Mencapai pembangunan yang seimbang selaras dengan hasrat Wawasan 2020, penyelidikan dan pembangunan dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan khususnya mengenai pembangunan sosial amat perlu diberikan keutamaan setaraf dengan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang sains dan teknologi (Shamsul Amri, 2011). Ini adalah penting untuk di aplikasi bagi melahirkan generasi belia berminda kelas pertama. Selain itu, institusi politik yang mempunyai kuasa dan legitimasi dalam masyarakat sangat penting dalam meningkatkan penghayatan belia terhadap Rukun Negara dengan meningkatkan lagi aktiviti yang berkaitan dengan kemasyarakatan. Lantaran itu, maju dan mundur sesebuah masyarakat bergantung pada peribadi dan tingkah laku individu dalam masyarakat (Faridah & Fakhroladabi, 2012) terutama belia bagi merealisasikan Wawasan 2020. Agenda ini menjadi penting berikutan komposisi rakyat Malaysia yang mempunyai keanekaragaman dan mungkin lahirnya iri hati, prasangka serta lain-lain nilai negatif yang mudah mencetuskan suasana huru-hara serta boleh mencetuskan pertumpahan darah. Akibatnya perancangan negara dalam membangunkan dan memajukan negara tidak dapat direalisasikan dengan jayanya. Memahami dan menghayati Rukun Negara dapat mewujudkan perpaduan rakyat serta melahirkan masyarakat yang hidup dengan matlamat yang serupa dan dikongsi bersama.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi penghargaan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) yang telah membiayai geran penyelidikan bagi menjalankan kajian ini selama satu tahun bermula Jun 2011.

RUJUKAN

- Adlina, A.H. 2009. Pengetahuan Golongan Belia Terhadap Pendekatan Islam Hadhari. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 1:117-132.
- Ahmad Shah, P. M., Sulhairil Hafiz, H. S., Muhammad Fuad, O., Mohd Ashraf, C. J., & Hudrus, H. 2011. Patriotisme Dilemma Among Malaysia Youth: Between Strategy and Reality. *International Journal of Business and Social Science*, 2:219-227.

- Ahmad Zaharuddin Sani, S. 2009. Rukun Negara Dicipta Perpaduan Digapai. *Membina Bangsa Malaysia: Integrasi Nasional*, 4:469-480.
- Ayu Nor Azilah, M., & Rohaini. A. 2011. Rukun Negara: Peranan, Penghayatan dan Cabaran dalam Perpaduan di Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Perpaduan Nasional*, halaman 81-107. Kuala Lumpur: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.
- Azwani Ismail, Ahmad Rahim, Hardianaema Ribu, Zahara Aziz & Sharipah Nor Puteh. 2011. Pemupukan Semangat Patriotisme Dalam Mata Pelajaran Sejarah. *Persidangan Kebangsaan Perpaduan Nasional*, halaman. 266-282. Kuala Lumpur: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.
- Bernama. (2012, September 05). *Insiden Pijak Gambar Pemimpin dan Bendera: Ada tangan ghaib, guna hak asasi*. Retrieved from BERNAMA: http://www.bernama.com.my/bernama/v3/bm/news_lite.php?id=177657
- Dzulhaimi Dahalan, Nobaya Ahmad, Nor Azliza Wanis Abdullah, Md Salleh Hassan, Jamilah Othman & Mariah Muda. 2009. Implikasi Keterlibatan Audiens Belia dengan Kempen Perpaduan di Televisyen: Perbandingan Belia Melayu dan Bukan Melayu. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 1: 23-42.
- Easton, D., Hess, R.D. 1962. The Child's Political World. *Midwest Journal of Political Science*, 11(3): 229-246.
- Faridah, C. H., & Fakhroladabi, A. K. 2012. Sumbangan Pengajian Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) Terhadap Pembentukan Hati Budi Mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia. *Jurnal Al-Tamadun*, 7(1): 15-35.
- Hashim, H. B., Khairulhelmi, K., Mohd Fahmi, M. S., & Syed Mohamed Syafeq, S. M. 2008. Keruntuhan Akhlak dan Gejala Sosial dalam Keluarga: Isu dan Cabaran. *Seminar Kaunseling Keluarga* (hlm. 51-62). Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Hasan Baharom et.al. 2003. *Kajian Jenayah Juvana di Pantai Timur*. Laporan Teknikal. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara Malaysia.
- Ishak Saat, Nabir Abdullah & Adnan Jusoh. 2011. Perpaduan Malaysia Tanggungjawab Bersama. *Himpunan Kertas Kerja: Keilmuan Sebagai Kerangka Perpaduan Nasional*, 28-58.

- Ku Hasnita, K. S., & Mohd Haizam, M. N. 2009. Semangat patriotisme dalam kalangan mahasiswa bukan melayu di institusi pengajian tinggi, sekitar Lembah Klang. *Akademika* 75: 85-100.
- Ku Hasnita, K.S., & Mohd Haizam, M. N. 2011. Kepentingan Pendidikan Patriotisme Terhadap Warganegara Malaysia. *Jati*, 16:23-34.
- Lee Yok Fee & Sarjit S. Gill. 2008. Rukun Negara Teras Pembinaan Modal Insan: Satu Komentar. *Pertanika Journal Social Science & Human*, 16 (1): 107-113.
- Maisarah, S., & Latifah, A. M. 2012. Pembentukan Jati Diri Kanak-kanak Melalui Bahan Bancaan Bahasa Malaysia. *Jurnal Hadhari*, 4 (1): 77-102.
- Martin, D. 2010. *Identity Politics and Young-Adult Malaysian Muslims*. Eras Edition 12. 1-29.
- Mohamad Rodzi, A. R. 2009. Pembinaan Negara Bangsa Malaysia: Peranan Pendidikan Sejarah dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. *Jebat* 36: 90-106.
- Muhamad Ali, E. 2009. *Patriotisme dan Kepercayaan Rakyat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Nobaya Ahmad, Dzuhailmi Dahalan, Md Salleh Hassan, Jamilah Othman, Nor Azliza Wanis Abdullah & Mariah Muda. 2008. Belia dan Keterlibatan dengan Mesej Perpaduan. *Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan IPSAS 2008*, 26-45.
- Rahman, T.A. 2007. 13 Mei: *Sebelum dan Selepas*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Ruhanie, A. 2005. *Patriotisme Malaysia Penangkis Neoimperialisme*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Sarjit S.G & W. A. Amir Zal W.I. 2008. Perubahan Nilai Budaya Belia Malaysia Menuju Wawasan 2020. *Jurnal Pembangunan Belia Malaysia*, 1:15-34.
- Shamsul Amri, B. 2011. *Kesepaduan dalam Kepelbagaian: Perpaduan di Malaysia sebagai Work-in-progress*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Silberman, M & Averbach, C. 1990. *Active Training: A Handbook of Techniques, Designs, Case Examples and Tips*. New York: Lexington Books.
- Turiman Suandi, Nobaya Ahmad, Ezhar Tamam & Azimi Hamzah. 2008. Pembangunan Belia ke Arah 2057: Isu dan Cabaran. *Jurnal Pembangunan Belia Malaysia*, 1: 1-13.

Yahaya, H. 1978. *Malaysia: Nilai Politik dan Budaya*. Kuala Lumpur: Dinamika Kreatif.

Zainal Abidin, A.J. 2009. *Tragedi 13 Mei: Apa yang Harus Kita Pelajari? Membina Bangsa Malaysia*, 4: 518-535.

Profil Penulis:

Rohaizahtulamni Radzlan, Bcs
Jabatan Sains Kemasyarakatan & Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
Serdang, Selangor
43400, Malaysia.
amniradzlan@gmail.com
+60132227412

Sarjit S. Gill, PhD
Ketua Jabatan/ Profesor Madya
Jabatan Sains Kemasyarakatan & Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
Serdang, Selangor
43400, Malaysia.
sarjit@putra.upm.edu.my
+60389467062

Ahmad Tarmizi Talib, PhD
Ketua Jabatan/ Pensyarah Kanan
Jabatan Pengajian Ketamadunan dan Kenegaraan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
Serdang, Selangor
43400, Malaysia.
tarmizi@putra.upm.edu.my
+60389467141